

PTP dijangka raih pertumbuhan 2 digit

Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dijangka mampu mencapai pertumbuhan dua digit tahun ini berdasarkan prestasi cemerlang yang direkodkan pelabuhan itu setakat ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata sasaran itu berdasarkan prestasi PTP bagi tempoh Jan sehingga Jun tahun ini, yang turut merekodkan pertumbuhan dua digit.

“Saya ada keyakinan bahawa pada 2021 kadar pertumbuhan PTP dijangka lebih baik. Kalau tahun lalu kita (PTP) mengedahkan 9.8 juta unit bersamaan 20 kaki (TEUs) dan tahun ini mampu hampir ke 11 juta TEUs.

“Satu peningkatan dua digit yang kita bakal sahsikan menjelang hujung tahun ini,” katanya kepada pemberita selepas melawat pembukaan Pusat Vaksinasi Industri (PPVIN) PTP, di Iskandar Puteri, semalam.

Ka Siong berkata meskipun pandemik, PTP mencatatkan kadar pertumbuhan mengagumkan iaitu 8.5 peratus, kadar pertumbuhan tertinggi berdasarkan senarai 20 pelabuhan utama dunia 2020.

“Kadar pertumbuhan PTP sebanyak 8.5 peratus itu adalah sesuatu yang mengagumkan, ia bukan sahaja mengaunjakkan kedudukan kita dalam senarai 20 pelabuhan utama dunia. Ia juga naik dari tangga ke-18 ke tangga ke-15.

“Meskipun pandemik, satu pencapaian yang mengagumkan apabila PTP mencapai satu rekod, menjadi satu pelabuhan yang berkembang maju dengan kadar pertumbuhan tertinggi tahun lalu,” katanya.

Katanya, PTP juga adalah satu-satunya pelabuhan dalam senarai itu yang meningkat keduanya.

BERNAMA



Ka Siong meninjau pembukaan Pusat Vaksinasi Industri (PPVIN) Pelabuhan Tanjung Pelepas, di Iskandar Puteri, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)